

05/06/2003

Anggota Asean diharap laksana tanggungjawab tangani jerebu

PUTRAJAYA: Malaysia berharap negara Asean yang menandatangani perjanjian Jerebu Merentas Sempadan Asean tahun lalu menyedari tanggungjawab masing-masing dalam menangani masalah jerebu di rantau ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding, berkata walaupun perjanjian itu belum dilaksanakan secara rasmi mengikut saluran undang-undang tetapi negara terbabit dalam perjanjian itu boleh mula melaksanakan tanggungjawab mengikut saluran masing-masing.

"Perjanjian ini sudah hampir menepati matlamatnya kerana lima negara anggota Asean sudah menandatangani dan kita hanya memerlukan satu lagi negara anggota bagi melengkapkan sekurang-kurangnya enam negara anggota Asean untuk memperakui perjanjian terbabit secara rasmi," katanya ketika ditemui selepas merasmikan mesyuarat agung pertama Pertubuhan BioIndustri Malaysia (MBIO) di sini, semalam.

Perjanjian Jerebu Merentas Sempadan Asean itu dicapai sebulat suara pada Mesyuarat Menteri-menteri Alam Sekitar tahun lalu. Perjanjian itu akan dikuat kuasa dalam tempoh 60 hari selepas sekurang-kurangnya enam negara Asean menandatangani dan memperakui perjanjian terbabit.

Bagaimanapun, tiada masa tertentu diberikan atau hukuman dikenakan kepada anggota yang tidak mematuhi syarat perjanjian.

Mengikut perjanjian itu, sebuah Pusat Penyelarasan Kawalan Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan Asean akan ditubuhkan untuk memudahkan kerjasama dan penyelarasan negara anggota dalam menangani kesan kebakaran tanah dan hutan khususnya jerebu.

Law berkata, pihak berkuasa di negara ini berusaha melakukan yang terbaik dalam mengawal kebakaran hutan tetapi tidak mempunyai hak untuk mencampuri bidang kuasa negara lain jika kebakaran berlaku di luar sempadan negara.

Ditanya mengenai tahap jerebu di negara ini berikutan kesan kebakaran di negara jiran khususnya di Sumatera dan Kalimantan, beliau berkata, ia masih terkawal dan tidak berada dalam keadaan yang membimbangkan.

"Berdasarkan maklumat yang diterima di kementerian mendapati jumlah tompok panas di negara jiran itu kadang kala menurun dan menaik manakala musim panas yang dialami di negara ini adalah fenomena semasa.

"Kita mengalami musim panas dari Mei hingga September berikutan angin monsun barat daya dengan mencatatkan suhu antara 34 hingga 36 darjah celsius tetapi Malaysia bernasib baik kerana kedudukan geografi yang dilindungi lautan," katanya sambil menambah negara jiran lain seperti Indonesia dan India juga sedang mengalami fenomena cuaca panas.

Terdahulu, beliau dalam ucapannya menyarankan syarikat yang terbabit dengan industri sumber biologi digalakkan menganggotai MBIO bertujuan menyokong usaha kerajaan dalam memajukan industri bioteknologi negara.

MBIO yang baru ditubuhkan itu adalah bertepatan dengan pelaksanaan projek Lembah Bio yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Beliau berkata, Malaysia kaya dengan kepelbagaian biologi yang dapat digunakan sebagai asas pembangunan industri bioteknologi di negara ini.

"Kita masih memerlukan masa panjang untuk membangunkan industri ini dan kerjasama syarikat yang terbabit selain sokongan padu daripada sektor lain seperti teknologi maklumat dan industri kewangan bagi menyokong pembangunan industri itu," katanya.

Law berkata, pertubuhan seperti MBIO sebenarnya banyak menyumbang kepada perkembangan industri itu seperti mana ia ditubuhkan di negara maju seperti Jepun dan Amerika Syarikat.

Sementara itu, Pengerusi MBIO, Datuk Dr Salleh Mohd Nor, berkata setakat ini MBIO mempunyai enam anggota dan kriteria penyertaan adalah syarikat itu mesti terbabit dalam industri berasaskan bioteknologi.

Beliau berkata, sebagaimana dengan hasrat kerajaan, MBIO mahu mengembangkan industri itu di Malaysia supaya seimbang dengan apa yang berlaku di negara maju.